

Buku Panduan

**PROGRAM SIJIL PROFESIONAL
PENJAMINAN KUALITI PROGRAM
PENGAJIAN & PERKHIDMATAN**

SIRI 4/2025

PUSAT JAMINAN KUALITI UKM

SENARAI KANDUNGAN

BAB 1 : PENGENALAN KEPADA PROGRAM SIJIL PROFESIONAL PENJAMINAN KUALITI PROGRAM PENGAJIAN DAN PERKHIDMATAN

Serangkai Kata	04
Latar Belakang Program	05
Objektif Program	06
Hasil Pembelajaran Program	06
Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran	06
Modul dan Kursus	07
Struktur Modul	08

BAB 2 : MAKLUMAT KURSUS

QQSP91II : Dokumentasi Penjaminan Kualiti Program Pengajian	11
QQSP92II: Reka Bentuk dan Semakan Program	14
QQSP93II: Akreditasi Program Pengajian	17
QQSP94II: Sistem Pengurusan Kualiti: Akademik dan Perkhidmatan	20
QQSP96II: Pengurusan Risiko	23

BAB 3 : RANCANGAN PENGAJARAN KURSUS

QQSP91II : Dokumentasi Penjaminan Kualiti Program Pengajian	27
QQSP92II: Reka Bentuk dan Semakan Program	28
QQSP93II: Akreditasi Program Pengajian	29
QQSP94II: Sistem Pengurusan Kualiti: Akademik dan Perkhidmatan	30
QQSP96II: Pengurusan Risiko	31

BAB 4 : SENARAI SEMAK PESERTA

Senarai Semak Peserta	33
-----------------------	----



BAB 1

Pengenalan Kepada Program Sijil Profesional Penjaminan Kualiti Program Pengajian dan Perkhidmatan

SERANGKAI KATA

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera,

Syukur Alhamdulillah, segala puji ke hadrat Allah Azzawajalla kerana dengan limpah dan rahmat serta kurniaNya, program Sijil Profesional Penjaminan Kualiti Program Pengajian dan Perkhidmatan Siri 4 Tahun 2025 dapat diteruskan. Nilai dan kelestarian mutu perkhidmatan yang ditawarkan oleh sesuatu organisasi amat bergantung kepada komitmen dan kompetensi warganya dalam memakmurkan agenda penambahbaikan kualiti berterusan program pengajian dan perkhidmatan yang ditawarkan. Justeru, penganjuran program seumpama ini diharapkan dapat menyediakan platform ke arah melahirkan kumpulan pentadbir dan pelaksana yang berkompentensi dan berpengetahuan tinggi dalam pengurusan penjaminan kualiti program pengajian dan perkhidmatan.



Dikesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua tenaga pengajar dan urus setia di atas komitmen yang diberikan dalam menjayakan program ini. Semoga program ini berjaya mencapai matlamat yang kita sama-sama harapkan dan seterusnya memastikan pembudayaan penjaminan kualiti yang lestari dan cemerlang.

Sekian, terima kasih.

YBHG. PROF. DR. KAMISAH OSMAN
PENGARAH PUSAT JAMINAN KUALITI (KUALITI-IKM)

LATAR BELAKANG PROGRAM



Program Sijil Profesional Penjaminan Kualiti Program Pengajian dan Perkhidmatan ini telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) siri di mana siri pertama pada Mac 2022, siri kedua pada September 2022 dan siri ketiga pada September 2024. Siri pertama hanya dibuka kepada warga UKM sahaja dari kategori pentadbir akademik dan kakitangan yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 6 bulan dalam pengurusan kualiti program pengajian dan/atau perkhidmatan yang berkaitan. Manakala siri kedua dan ketiga dibuka kepada warga UKM dan bukan warga UKM. Majlis Graduasi kepada peserta yang menyertai siri pertama dan kedua telah diadakan pada 7 Disember 2022 di Dewan Anjung Digital Smart Selangor, UKM.

Penganjuran siri ketiga pada tahun 2024 mengambil pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berbeza seiring dengan saranan ke arah memenuhi Pendidikan 4.0 dan lonjakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pengajian Tinggi (2015-2025) iaitu menerapkan proses berteraskan teknologi dan pembelajaran secara terbuka tanpa mengira sempadan waktu, lokasi mahupun suasana. Berdasarkan maklum balas positif yang diterima dari peserta program ini, Kualiti-UKM meneruskan penganjuran program siri keempat dengan kaedah yang sama dengan penambahbaikan melalui sesi perbincangan interaktif dalam talian secara bergerak.

OBJEKTIF PROGRAM

- Melahirkan pentadbir dan pelaksana yang mempunyai kompetensi dan pengetahuan yang tinggi berkaitan penjaminan kualiti program pengajian dan perkhidmatan;
- Mewujudkan saluran perkongsian amalan baik berkaitan kualiti program pengajian dalam kalangan pentadbir dan pelaksana program pengajian dan perkhidmatan.

HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

Di akhir program ini, peserta berkebolehan untuk:


- Mempamerkan kefahaman terhadap dasar penjaminan kualiti yang berkesan dalam mewujudkan proses kualiti yang lebih telus dan berintegriti di semua peringkat;
- Mengintegrasikan dokumen penjaminan kualiti dalaman dan luaran serta inovasi dalam pendidikan bagi mengukuhkan kualiti proses teras dan penyampaian perkhidmatan;
- Mengadaptasi Kitaran Kualiti (PDCA) dan penambahbaikan berterusan menyeluruh;
- Memupuk kesedaran kualiti di kalangan peserta bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti dan Pengurusan Risiko dihayati dan memenuhi jangkaan pelanggan.

METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara dalam talian (segerak dan tidak segerak);
- Tempoh PdP: 1 Ogos hingga 12 September 2025;
- Semua pentaksiran perlu dilengkapi dalam tempoh PdP.

MODUL DAN KURSUS

Program Sijil Profesional Penjaminan Kualiti Program dan Perkhidmatan menawarkan 2 Modul Pilihan dan 5 kursus yang terdiri daripada kursus wajib dan kursus pilihan



KURSUS

QQSP911I	Dokumentasi Penjaminan Kualiti Program Pengajian
QQSP921I	Reka Bentuk dan Semakan Program
QQSP931I	Akreditasi Program Pengajian
QQSP941I	Sistem Pengurusan Kualiti: Akademik dan Perkhidmatan
QQSP961I	Pengurusan Risiko

STRUKTUR MODUL

A. MODUL AUDIT DAN AKREDITASI PROGRAM

Peserta perlu melengkapkan empat (4) kredit dengan tiga (3) kredit daripada kursus wajib dan satu (1) kredit kursus pilihan (rujuk di bawah).

Modul Audit dan Akreditasi Program		Kredit Kursus	Keseluruhan Kredit
Kursus Wajib	QQSP911I: Dokumentasi Penjaminan Kualiti Program Pengajian	1	3
	QQSP921I: Reka Bentuk dan Semakan Program	1	
	QQSP931I: Akreditasi Program Pengajian	1	
Kursus Pilihan	QQSP941I: Sistem Pengurusan Kualiti: Akademik dan Perkhidmatan	1	1
	QQSP961I: Pengurusan Risiko	1	
Keseluruhan Kredit Modul			4 Kredit

B. MODUL SISTEM PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO

Peserta perlu melengkapkan tiga (3) kredit daripada kursus wajib dan tiada kursus pilihan (rujuk di bawah).

Modul Sistem Pengurusan Kualiti dan Risiko		Kredit Kursus	Keseluruhan Kredit
Kursus Wajib	QQSP911I: Dokumentasi Penjaminan Kualiti Program Pengajian	1	3
	QQSP941I: Sistem Pengurusan Kualiti: Akademik dan Perkhidmatan	1	
	QQSP961I: Pengurusan Risiko	1	
Keseluruhan Kredit Modul			3 Kredit

STRUKTUR MODUL

C. KURSUS ALA CARTE

Peserta juga dibenarkan mengambil kursus secara berasingan, tanpa mengikuti modul yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, penganugerahan Sijil Profesional hanya akan diberikan apabila peserta telah melengkapkan keperluan kursus mengikut modul. Tempoh sah penyertaan kursus untuk dikumpulkan bagi membentuk modul adalah lima (5) tahun penawaran program.

D. SYARAT PENGANUGERAHAN SIJIL PROFESIONAL

Bagi membolehkan seseorang peserta mendapat penganugerahan sijil profesional, peserta perlu:

- Melengkapkan semua kursus mengikut pilihan modul
- Lulus pentaksiran bagi setiap kursus



BAB 2

MAKLUMAT KURSUS

QQSP9111: DOKUMENTASI PENJAMINAN KUALITI PROGRAM PENGAJIAN

Kursus ini memberikan pendedahan berkaitan dokumen penjaminan kualiti program pengajian dalaman yang dikeluarkan oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan juga dokumen luaran yang dikeluarkan oleh pihak Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT). Di samping itu, kursus ini juga memberikan pemahaman berkaitan proses pelaksanaan program pengajian selari dengan dasar dan peraturan serta keperluan mengintegrasikan pembangunan kurikulum dan akreditasi program pengajian.

TENAGA PENGAJAR



DR. BABUL AIRIANAH OTHMAN

Pensyarah

Jabatan Sains Makanan
Fakulti Sains dan Teknologi

Timbalan Pengarah

Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
(2023-Kini)

Ahli Panel Penilai Program

- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Putra Malaysia (UPM)

Juruaudit ISO 9001:2015

Lead Assessor ISO 9001:2015

Pengerusi

Jawatankuasa Dokumentasi SPKPPP UKM



DR. KAMARIIL BARAINI KELIWON

Pensyarah

Pusat Kajian Perniagaan Global dan
Ekonomi Digital (GLOBDE)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Ketua Unit

Pusat Pengajaran dan Pembangunan
Kurikulum

RUJUKAN

- Agensi Kelayakan Malaysia. 2018. *Code of Practice for Programme Accreditation Second Edition*.
- Agensi Kelayakan Malaysia. 2016. *Guidelines to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award* [APEL (C)].
- Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian. 2020. Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. 2015. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Garis Panduan Dalam Universiti.

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

- HPK1: Menilai proses pelaksanaan program pengajian selari dengan dasar dan peraturan;
- HPK2: Mengintegrasikan keperluan pembangunan kurikulum dan akreditasi program pengajian.

QQSP9211: REKA BENTUK DAN SEMAKAN PROGRAM

Kursus ini memberi pendedahan berkaitan falsafah, reka bentuk, proses semakan dan proses permohonan program pengajian akademik. Peserta perlu mengetahui garis panduan yang perlu dipatuhi semasa membangunkan kurikulum, proses semakan dan proses permohonan program yang berdasarkan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam yang disediakan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan garis panduan dalaman. Pembangunan kurikulum program perlu berdasarkan Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome Based Education-OBE*) dan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) Edisi Kedua yang disediakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Di akhir kursus ini, peserta dapat memahami proses pembentukan program, menyemak dan permohonan program akademik dan menyediakan dokumen berkaitan berdasarkan templat yang telah ditetapkan oleh JPT dan MQA.

TENAGA PENGAJAR



**PROF. MADYA TS. DR. ZULKEFLI
MANSOR**

Pensyarah
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat

Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan
Kurikulum

Timbalan Pengerusi
Standard Program Komputeran MQA

Ahli Panel Penilai Profesional
Malaysia Board of Technologists (MBOT)

Ahli Panel Penilai
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)



**PROF. MADYA DR. EZARINA
ZAKARIA**

Pensyarah
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

**Timbalan Pengarah Pembangunan
Kurikulum**
Pusat Pengajaran dan Pembangunan
Kurikulum

Timbalan Pengerusi
Jawatakuasa Dokumentasi SPKPPP UKM

Juruaudit ISO 9001:2015

RUJUKAN

- Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UKM. (2017). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Garis Panduan Pelantikan Penasihat Luar dan Penilai/Pemeriksa Luar Program (Pindaan 2021). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam. 2018. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian (Pindaan 2020). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kerangka Kelayakan Malaysia. 2017. Agensi Kelayakan Malaysia.
- Kriteria Universiti Penandaarasan Program Pengajian UKM (2019). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2020. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Standard Program Pengajian. Agensi Kelayakan Malaysia.

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

- HPK1: Menghuraikan proses pembentukan, semakan dan permohonan akademik berdasarkan peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan;
- HPK2: Membangunkan dokumen pembentukan program, semakan dan permohonan program akademik berdasarkan templat yang telah ditetapkan

QQSP9311: AKREDITASI PROGRAM PENGAJIAN

Matlamat kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada penilai program dalam melakukan proses Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh di Universiti yang bertaraf Swaakreditasi. Kursus ini merangkumi keperluan dokumentasi untuk proses akreditasi program pengajian, proses penilaian akreditasi dan penulisan laporan penilaian mengikut Kerangka Kelayakan Malaysia, Kod Amalan Akreditasi Program Pengajian (COPPA) dan keperluan program dalam bidang masing-masing.

TENAGA PENGAJAR



PROF. DR. LOH KEE SHYUAN

Pensyarah
Institut Sel Fuel

Timbalan Pengarah Audit dan Penandaan
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)

Lead Assessor ISO 9001:2015

Pengerusi
Jawatankuasa Publisiti dan Latihan
SPKPPP UKM

Setiausaha
Jawatankuasa Audit dan Penilaian
Program Pengajian (JKAPPP) UKM



PROF. MADYA DR. WAHIZA WAHI

Pensyarah
Pusat Pengajian Citra Universiti (PPCU)

Mantan Pengerusi
Jawatankuasa Pemantauan Tindakan
Pembetulan (CA) SPKPPP UKM

**Ahli Panel Penilai Agensi Kelayakan
Malaysia (MQA) - Bidang Bahasa Inggeris
dan TESL**

Ahli Panel Penilai Program:
* Universiti Putra Malaysia
* Universiti Teknologi MARA
* Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
* Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei

Juruaudit ISO 9001:2015

RUJUKAN

- Garis Panduan Amalan Baik. Agensi Kelayakan Malaysia. Kerangka Kelayakan Malaysia. 2017. Agensi Kelayakan Malaysia.
- Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam. 2018. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kod Amalan Akreditasi Program Pengajian (COPPA). 2018. Agensi Kelayakan Malaysia.
- Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran. 2021. Agensi Kelayakan Malaysia.
- Standard Program Pengajian. Agensi Kelayakan Malaysia.

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

- HPK 1: Berkebolehan menghuraikan ciri-ciri program yang berkualiti dan mematuhi standard yang ditetapkan oleh COPPA dan mencadangkan syor serta cadangan penambahbaikan.
- HPK 2: Berkebolehan menulis laporan penilaian program mengikut standard COPPA bagi Areditasi Sementara dan Akreditasi Penuh dalam bidang masing-masing

QQSP9411: SISTEM PENGURUSAN KUALITI: AKADEMIK DAN PERKHIDMATAN

Kursus ini mendedahkan peserta kepada sistem pengurusan kualiti secara menyeluruh. Kursus dimulakan dengan pengenalan kepada kawalan kualiti dan jaminan kualiti. Seterusnya peserta diperkenalkan kepada Standard MS ISO 9001:2015. Peserta perlu memahami keperluan-keperluan utama di dalam standard tersebut. Di akhir kursus ini peserta harus mempunyai kemahiran untuk membangun dan menyelenggara dokumen sistem pengurusan kualiti dan menjalankan audit dalaman dan badan pensijilan.

TENAGA PENGAJAR



PROF. MADYA DR. MALINA JASAMAI

Pensyarah
Fakulti Farmasi

Timbalan Pengarah Sistem Pengurusan Kualiti
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)

Pengerusi
Jawatankuasa Audit Dalam SPKPPP UKM

Ahli Panel Penilai
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Panel Penilai Program Pengajian UKM

Juruaudit ISO 9001:2015

Juruaudit ISO 27001:2022



PUAN TS. ZULAIKHA MOHAMAD

Pegawai Teknologi Maklumat F12
Pusat Teknologi Maklumat UKM

Lead Assessor ISO/IEC 27001:2022
ISMS (*Exampler Global Certified*)

Ketua Jaminan Kualiti
Pusat Teknologi Maklumat UKM

Juruaudit ISMS Sektor Awam

Juruaudit ISMS UKM

Pengerusi
Jawatankuasa Dokumentasi ISMS UKM

Timbalan Pengerusi
Jawatankuasa Dokumentasi SPKPPP UKM

RUJUKAN

- Standard MS ISO 9001:2015.
- Standard ISO 19011: 2018

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

- HPK1: Boleh menghuraikan keperluan-keperluan utama dalam Standard MS ISO 9001:2015
- HPK 2: Boleh mengintegrasikan keperluan Standard MS ISO 9001:2015 dengan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti

QQSP9611: PENGURUSAN RISIKO

Kursus ini memberi pendedahan berkenaan konsep utama risiko dan pengurusan risiko serta governan pengurusan risiko dalam sesuatu organisasi. Selain itu, aplikasi pengurusan risiko juga diberikan penekanan. Pemahaman tentang selera risiko, toleransi risiko, tadbir urus risiko dan juga budaya risiko merupakan antara konsep utama yang membentuk praktis pengurusan risiko yang berkesan. Kursus ini juga akan membincangkan dengan mendalam mengenai proses pengurusan risiko yang meliputi pengenaltastian risiko, penilaian risiko, kawalan risiko dan pemantauan risiko. Peserta juga akan diberikan latihan dalam membangunkan daftar risiko dan juga strategi dalam kawalan risiko.

TENAGA PENGAJAR



**PROF. MADYA DR. MOHD HAFIZUDDIN
SYAH BANGAAN ABDULLAH**

Pensyarah

Fakulti Ekonomi & Pengurusan

Timbalan Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)

Senior Associate Fellow

UUM Institut of Risk Management (UUM IRM), UUM

Ahli Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Risiko (NSC 25/TC 8)

Jabatan Standard Malaysia

Ahli Persatuan Pengurusan Risiko dan Insurans Malaysia (MARIM)

Penceramah Bengkel Pengurusan Risiko Organisasi (ERM)



PUAN SHURIANIE RAHIM

Penolong Pegawai Tadbir

Pusat Pengurusan Risiko Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)

Certified in Risk Management (CRM)

Sekretariat

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti

RUJUKAN

- COSO. 2004. *Enterprise Risk Management -Framework*.
- COSO. 2017. *Enterprise Risk Management—Integrating with Strategy and Performance*.
- Dionne, G. 2019. *Corporate Risk Management: Theories and Applications*. John Wiley & Sons: New Jersey.
- Fraser, J. and Simkins, B. 2014. *Implementing Enterprise Risk Management: Case Studies and Best Practices*. John Wiley & Sons, New Jersey.
- Godfrey, P.C., Lauria, E., Bugalla, J. and Narvaez, K. 2020. *Strategic Risk Management: New Tools for Competitive Advantage in an Uncertain Age*. Berrett-Koehler Publishers: California.
- ISO 31000:2018 *Risk Management — Guidelines*.
- ISO 9001:2015 *Quality Management System*.
- Lam, J. 2017. *Implementing Enterprise Risk Management: From Methods to Applications*. John Wiley & Son: New Jersey

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

- HPK 1: Mengenal pasti konsep dan elemen risiko, governan dan proses pengurusan risiko dalam aspek pengurusan kualiti
- HPK 2: Mengaplikasikan pengurusan risiko dalam pembuatan keputusan sesebuah organisasi



BAB 3

RANCANGAN PENGAJARAN KURSUS

RANCANGAN PENGAJARAN KURSUS

QQSP9111 DOKUMENTASI PENJAMINAN KUALITI PROGRAM PENGAJIAN

BAHAN PENGAJARAN	TOPIK
Kuliah Segera Slaid01-QQSP9111	Topik 1 : Dasar Dan Peraturan MQA/KPT
Video02-QQSP9111 Slaid02-QQSP9111	Topik 2 : Dasar Dan Peraturan Dalam Universiti
Video03-QQSP9111 Slaid03-QQSP9111	Topik 3 : Sistem Sokongan Dokumentasi Dalam Penjaminan Kualiti
Video04-QQSP9111 Slaid04-QQSP9111	Topik 4 : Tugas sendiri (Kajian Kes & Kuiz)
Video05-QQSP9111 Slaid05-QQSP9111	Topik 5 : Pengenalan kepada Dasar Penjaminan Kualiti dalam Proses Pembangunan Kurikulum Dan Akreditasi Program Pengajian
Video06-QQSP9111 Slaid06-QQSP9111	Topik 6 : Kod Amalan MQA dan Garis Panduan Amalan Baik MQA
Video07-QQSP9111 Slaid07-QQSP9111	Topik 7 : Standard dan Program Standard MQA
Video08-QQSP9111 Slaid08-QQSP9111	Topik 8 : Dokumentasi Dalam Universiti Dalam Proses Pembangunan Kurikulum Dan Akreditasi Program Pengajian
Rujuk "Quiz" di MSTeams	Tutorial Topik 5 - 8
Rujuk MS Teams	Tugasan 1 (50%) (Topik 1 - 4)
Rujuk MS Teams	Tugasan 2 (50%) (Topik 5 - 8)

RANCANGAN PENGAJARAN KURSUS

QQSP9211 REKA BENTUK DAN SEMAKAN PROGRAM

BAHAN PENGAJARAN	TOPIK
Video01-QQSP9211 Slaid01-QQSP9211	Pengenalan QQSP9211
Video02-QQSP9211 Slaid01-QQSP9211	Faktor Keperluan Semakan Program
Video03-QQSP9211 Slaid01-QQSP9211	Dokumen Rujukan dan Templat semakan Kurikulum
Video04-QQSP9211 Slaid01-QQSP9211	Pengisian Bahagian A: Kertas Cadangan Permohonan Semakan Kurikulum ke JKPT
Video05-QQSP9211 Slaid01-QQSP9211	Pengisian Bahagian B Video Pengisian Templat Jadual 4 (Proforma Kursus)
Video06-QQSP9211 Slaid06-QQSP9211	Perancangan Pembentukan Program
Video07-QQSP9211 Slaid07-QQSP9211	Pembentukan Hasil Pembelajaran
Kuliah segerak Slaid08-QQSP9211	Pembentukan Kurikulum
Kuliah segerak Slaid09-QQSP9211	Pembangunan Program dan Kurikulum
Rujuk MS Teams	Ujian (40%)
Rujuk MS Teams	Laporan (60%)

RANCANGAN PENGAJARAN KURSUS

QQSP9311 AKREDITASI PROGRAM PENGAJIAN

BAHAN PENGAJARAN	TOPIK
Video01-QQSP9311 Slaid01-QQSP9311	Pengenalan QQSP9311
Video02-QQSP9311 Slaid02-QQSP9311	Bidang 1: Reka bentuk dan Penyampaian Kurikulum
Rujuk Ms Teams	Kajian Kes 1 dan 2 (20% + 10%)
Video03-QQSP9311 Slaid03-QQSP9311	
Rujuk Ms Teams	Kajian kes 3 (5%)
Video04-QQSP9311 Slaid04-QQSP9311	Bidang 3: Pemilihan dan Khidmat Sokongan Pelajar I
Video05-QQSP9311 Slaid05-QQSP9311	Bidang 3: Pemilihan dan Khidmat Sokongan Pelajar II
Rujuk Ms Teams	Kajian kes 4 (5%)
Video06-QQSP9311 Slaid06-QQSP9311	Bidang 4: Staf Akademik I
Video07-QQSP9311 Slaid07-QQSP9311	Bidang 4: Staf Akademik II
Video08-QQSP9311 Slaid08-QQSP9311	Bidang 5: Sumber Pendidikan I
Video09-QQSP9311 Slaid09-QQSP9311	Bidang 5: Sumber Pendidikan II
Video10-QQSP9311 Slaid10-QQSP9311	Bidang 6: Pengurusan Program I
Video11-QQSP9311 Slaid11-QQSP9311	Bidang 6: Pengurusan Program II
Video12-QQSP9311 Slaid12-QQSP9311	Bidang 7: Pemantauan Program, Semakan dan Penambahbaikan Berterusan
Video13-QQSP9311 Slaid13-QQSP9311	Tutorial Penilaian
Rujuk Ms Teams	Tugasan Laporan (60%)

RANCANGAN PENGAJARAN KURSUS

QQSP9411 SISTEM PENGURUSAN KUALITI : AKADEMIK DAN PERKHIDMATAN

BAHAN PENGAJARAN	TOPIK
Video01-QQSP9411 Slaid01-QQSP9411	Pengenalan QQSP9411
Video02-QQSP9411 Slaid02-QQSP9411	Pengenalan kepada Penjaminan Kualiti dan Kawalan Kualiti
Video03-QQSP9411 Slaid03-QQSP9411	Klausa 1-3
Video04-QQSP9411 Slaid04-QQSP9411	Klausa 4
Video05-QQSP9411 Slaid05-QQSP9411	Klausa 5
Video06-QQSP9411 Slaid06-QQSP9411	Klausa 6
Video07-QQSP9411 Slaid07-QQSP9411	Klausa 7
Video08-QQSP9411 Slaid08-QQSP9411	Klausa 8
Video09-QQSP9411 Slaid09-QQSP9411	Klausa 9
Video10-QQSP9411 Slaid10-QQSP9411	Klausa 10
Rujuk Ms Teams	Kuiz: (30%) Pengenalan kepada Penjaminan Kualiti dan Kawalan Kualiti dan Keperluan ISO MS 9001:2015
Video11-QQSP9411 Slaid11-QQSP9411	Audit Dalam dan Badan Pensijilan I
Video12-QQSP9411 Slaid12-QQSP9411	Audit Dalam dan Badan Pensijilan II
Rujuk Ms Teams	Kajian kes: (70%)

RANCANGAN PENGAJARAN KURSUS

QQSP9611 PENGURUSAN RISIKO

BAHAN PENGAJARAN	TOPIK
Video01-QQSP9611 Slaid01-QQSP9611	Pengenalan QQSP9611
Video02-QQSP9611 Slaid02-QQSP9611	Memahami Konsep dan Kepentingan Pengurusan Risiko
Video03-QQSP9611 Slaid03-QQSP9611	Piawaian/Standard Pengurusan risiko
Video04-QQSP9611 Slaid04-QQSP9611	Cabaran dan Kunci Kejayaan Pengurusan Risiko
Rujuk Ms Teams (Soalan di Google Form)	Kuiz: (20 Markah)
Video05-QQSP9611 Slaid05-QQSP9611	Proses dan Governan Pengurusan Risiko
Video06-QQSP9611 Slaid06-QQSP9611	Pengenalpastian Risiko
Video07-QQSP9611 Slaid07-QQSP9611	Penilaian Risiko
Video08-QQSP9611 Slaid08-QQSP9611	Pemantauan dan Pelaporan
Video09-QQSP9611 Slaid09-QQSP9611	Projek Individu (80 Markah)




BAB 4

SENARAI SEMAK PESERTA

SENARAI SEMAK PESERTA

Setiap peserta perlu:

- Mempunyai aplikasi Microsoft Teams (MsTeams)
- Sign Up/Log In ke MsTeams menggunakan emel yang telah didaftarkan semasa pendaftaran modul/kursus
- Pastikan berada pada **Classes** yang betul (nama **Classes**: Sijil Profesional Siri 4 Kualiti-UKM)
- Peserta akan dimasukkan dalam **Channels** kursus berdasarkan pendaftaran yang telah dibuat



KURSUS QQSP9111 Posts Files +

- Peserta boleh merujuk kepada **Posts** bagi setiap **Channels** kursus bagi
 - maklumat terkini oleh tenaga pengajar
 - maklumat terkini berkaitan pentaksiran
 - komunikasi bersama tenaga pengajar (mengemukakan soalan kepada tenaga pengajar)
- Peserta boleh merujuk kepada **Folder** dalam **Files** bagi setiap **Channels** kursus untuk bahan-bahan berkaitan pengajaran seperti
 - Folder Buku Panduan Peserta
 - Folder Proforma dan Rancangan Pengajaran
 - Folder Bahan Pengajaran
 - Slaid
 - Video pengajaran

Pentaksiran/Tugasan

- Setiap kursus mempunyai pentaksiran (boleh rujuk kepada Bab 3: Rancangan Pengajaran Kursus)
- Maklumat berkaitan pentaksiran boleh dirujuk di **Assigments** dalam **Classes** MSTEams atau bergantung kepada pengajar kursus masing-masing
- Peserta perlu **hantar pentaksiran** dalam tempoh yang ditetapkan iaitu **selewat-lewatnya 12 September 2025**



Maklum Balas dan Borang Kepuasan Pelanggan

- Peserta dikendaki untuk mengisi maklum balas bagi setiap modul /Kursus (bagi peserta ala carte) di penghujung modul/kursus.
- Pautan maklum balas : <https://tinyurl.com/B0maklumbalasSP3> dan QR akan diletakkan di dalam video terakhir bagi setiap kursus.



PUSAT JAMINAN KUALITI (KUALITI-UKM) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

 +603-8921 4901/+603-8921 5077

 urusetiapjk@ukm.edu.my

 ukm.my/ukmq

 [PJKUKM](https://www.facebook.com/PJKUKM)